

Penguasaan bahasa asing

» *Tingkat tahap kebolehpasaran dalam persekitaran antarabangsa*

Oleh Rosniza
Mohd Taha
yoniza@bh.com.my

► Kuala Lumpur

Bahasa berkait rapat dengan kebudayaan hingga ada yang mengatakan perkara itu dipengaruhi budaya dan cara berfikir masyarakat penutur jatinya.

Sehubungan dengan itu, tidak hairan penguasaan bahasa asing menjadi nilai tambah bagi mahasiswa meningkatkan tahap kebolehpasaran kerana bukan sahaja mengukuhkan kemahiran komunikasi, malah mudah menyesuaikan diri dengan persekitaran antarabangsa.

Penguasaan bahasa asing juga mampu memperluas perspektif mahasiswa mengenai sesuatu perkara apabila pengetahuan diperoleh menerusi bahan bacaan dan rujukan yang diterbitkan



Muhammad Haikal

dalam pelbagai bahasa asing selain bahasa Melayu, Inggeris, Mandarin atau Tamil.

Hal ini diakui pelajar Sarjana Pengajian Wacana Universiti Putra Malaysia (UPM), Muhammad Haikal Shariff, 24, yang membuat kajian mengenai seni perbualan masyarakat Jepun.

Katanya, penguasaan bahasa Jepun tahap tiga iaitu kebolehan membaca, menulis dan bertutur dalam bahasa itu membolehkannya membuat rujukan lebih meluas mengenai topik kajiannya merangkumi jurnal dan penerbitan dalam bahasa Jepun.